

Jenis Akhbar : Kosmo Online

Tarikh : 27/02/2019

Edisi / Muka surat : www.kosmo.com.my

Tajuk : ANGKASA sasar 100 peratus skim kewangan patuh syariah menjelang 2022

Angkasa sasar 100 peratus skim kewangan patuh syariah menjelang 2022

AZHAR AHMAD

27 Februari 2019 4:06 PM



Abdul Fattah merangkap Presiden Asean Cooperative Organisation (tiga dari kiri) menyerahkan sijil Pemuatan Syariah 2018 sempena Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam di Hotel Tenera di sini hari ini.

BANGI - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) mensasarkan sebanyak 600 koperasi kredit atau 100 peratus bagi skim kewangan patuh syariah menjelang tahun 2022.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sistem tersebut yang lebih telus penting bagi meningkatkan keyakinan dalam kalangan pemegang sekutu sekali gus mampu meningkatkan jumlah pendapatan koperasi yang terlibat.

“Sehingga kini, lebih 200 koperasi kredit yang berjaya mendapat pengiktirafan Angkasa dalam penawaran pinjaman kredit mematuhi sistem kewangan patuh syariah.

“Patuh syariah bersifat universal. Sehingga kini, kita telah mulakan dengan produk patuh syariah yang telah menerima pengiktirafan daripada kerajaan sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam 2019 yang berlangsung dua hari di Hotel Tenera di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan Syariah Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia cawangan negeri Selangor, Rusli Jaafar. - *K! ONLINE*